

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNNIE BIN ZAWAWI (IGAN)**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

**Tuan Ahmad Johnnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes-kes penyalahgunaan dadah dan judi dalam talian di kawasan Parlimen Igan serta kes-kes jenayah yang lain serta apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 September 2019, sebanyak 3 tindakan penguatkuasaan berkaitan perjudian atas talian telah dilakukan di Parlimen Igan. Hasil daripada penguatkuasaan tersebut, seramai 3 orang telah ditangkap dan rampasan wang tunai sebanyak RM 10,714.00 turut dibuat.

Manakala statistik jenayah di Parlimen Igan pula, secara keseluruhannya jenayah indeks yang dilaporkan di Ibu Pejabat Polis Daerah Mato Daro bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 September 2019 adalah sebanyak 21 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 kes melibatkan jenayah kekerasan manakala baki 17 kes lagi adalah jenayah harta benda.

Berhubung kes penyalahgunaan dadah pula berdasarkan statistik daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), terdapat seramai 9 orang telah ditahan kerana terlibat dengan kes penyalahgunaan dadah di kawasan Parlimen Igan bagi tempoh Januari hingga September 2019.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui agensi-agensi di bawahnya seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa komited dalam usaha membanteras sebarang bentuk kegiatan jenayah termasuklah perjudian serta penagihan dadah di seluruh negara melalui langkah-langkah seperti berikut:

- 1) meningkatkan hubungan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan/Swasta, Pejabat Daerah, NGO, Persatuan Penduduk, JKKK dan masyarakat dalam pengkongsian maklumat;
- 2) meningkatkan aktiviti risikan dan penguatkuasaan bagi membanteras tempat-tempat yang dijadikan sarang perjudiaan, penagihan dan pengedaran dadah;

## SOALAN NO : 20

- 3) Mengadakan program-program penerangan kepada masyarakat bagi menerangkan akan bahaya jika terlibat dengan kegiatan jenayah, perjudian mahupun pengedaran atau penagihan dadah;
- 4) memperkasakan program-program pemulihan dadah di bawah AADK melalui pelan rawatan dan pemulihan yang komprehensif dan terkini;
- 5) Memperkasakan jalinan kerjasama dengan rakan strategik di bawah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) melalui penyediaan dana yang mencukupi oleh Kerajaan dalam menyokong usaha bersama memerangi gejala penyalahgunaan dadah;
- 6) melaksanakan program *Home Visit* bagi memberi sokongan kepada OKP yang terlibat untuk kekal pulih dan dalam masa yang sama, dapat menyalurkan maklumat kepada keluarga OKP dan masyarakat setempat berkenaan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pihak AADK; dan
- 7) Kementerian juga telah turut dilibatkan dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.